

14 JAN 2001

Sabah-Inggeris

PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DI SABAH BOLEH DIPERTINGKATKAN SEMULA?

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 14 Jan (Bernama) -- Seorang pelajar dari universiti tempatan yang menghadapi sukar untuk menghasilkan satu perenggan dalam bahasa Inggeris mengandungi 40 patah perkataan tanpa kesilapan berpendapat beliau mempunyai cara mudah untuk mengatasi masalah itu.

Apabila diberitahu supaya memperbaiki penguasaan bahasa Inggeris agar beliau mempunyai kelebihan daripada rakan-rakannya apabila memasuki pasaran kerja, pelajar itu menjawab: "Saya berpendapat itu tidak menimbulkan masalah besar. Sudah tentu ada kerja yang tidak memerlukan penguasaan dalam bahasa Inggeris."

Tetapi beliau tidak tahu kesusahan yang dialami oleh graduan Ekonomi, Roni, 25, dari Kiulu, kira-kira 50km dari sini. Walaupun beliau mempunyai kelayakan atas kertas tetapi sehingga sekarang belum mempunyai pekerjaan selepas berbulan-bulan pergi dari satu agensi ke agensi yang lain untuk mencari kerja.

Setiap kali beliau akan berasa hampa apabila majikan yang ditemui itu mendapati beliau tidak mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

"Saya sudah cuba memohon banyak kerja dan sudah banyak kali dipanggil untuk temuduga dan setiap kali itu juga apabila saya diminta menunjukkan kebolehan berbahasa Inggeris saya tidak dapat melakukannya," kata Roni.

Begitulah juga jawapan yang diterimanya selepas temuduga bagi jawatan sebagai wartawan dengan sebuah akhbar nasional berbahasa Melayu setelah bersusah payah menyediakan wang sebagai tambang untuk ke Kuala Lumpur bagi temuduga itu.

"Saya rasa saya gagal teruk dalam ujian terjemahan bahasa Inggeris...siapa sangka ada ujian bahasa Inggeris dalam temuduga dengan akhbar berbahasa Malaysia," katanya sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

Roni adalah contoh dan mangsa dalam masyarakat yang menghadapi kesukaran selepas bahasa pengantar dalam sistem pendidikan ditukarkan kepada Bahasa Malaysia.

Kelemahan penguasaan bahasa Inggeris terutama di kalangan pelajar Bumiputera Sabah dan pelajar dari kawasan pedalaman jelas terbukti apabila mendengar seorang lelaki bertuturan dalam bahasa Inggeris menjemput seorang rakan dari rumpun bangsa Indo-Eropah ke rumahnya: "Easy-easy, come to my house, I will ask my wife to cook you."

Sudah tentu ini merupakan terjemahan secara literal ungkapan dalam bahasa Melayu seperti berikut, "senang-senang, datanglah ke rumah, bolehlah saya suruh isteri saya masak untuk awak".

Laporan berita mengenai kelemahan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan siswa dan pelajar telah menimbulkan polemik baru-baru ini dan tidak dapat tidak menimbulkan persoalan sama ada pendekatan negara sekarang bagi pengajaran bahasa Inggeris mampu menghadapi cabaran masa depan terutama cabaran rakyat Malaysia dalam k-ekonomi.

Ramai yang berpendapat bahawa bagi negara menghadapi cabaran dalam dunia bersifat global, adalah penting untuk mempunyai penduduk yang berkebolehan berbahasa Inggeris.

Sesetengah pihak berpendapat kelemahan penguasaan bahasa Inggeris adalah disebabkan kurangnya penekanan yang diberikan kepada pengajaran bahasa itu dalam sistem pendidikan.

Pihak lain pula berpendapat ia disebabkan "kesilapan sejarah apabila bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara diubah daripada bahasa

Inggeris kepada Bahasa Malaysia.

Pertukaran itu yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada akhir tahun 70-an gagal menyediakan peluang yang cukup kepada pelajar untuk menguasai bahasa Inggeris, menurut pihak berkenaan.

Contohnya apabila peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menggantikan Higher School Certificate (HSC) di Semenanjung pada akhir tahun 70-an, peperiksaan HSC masih dilaksanakan di Sabah sehingga 1981.

Walaupun STPM dilaksanakan di Sabah selama hampir 20 tahun, kebanyakan produk "sistem lama" dalam sistem pendidikan bahasa Inggeris masih bertapak dalam sektor awam negeri itu dan justeru itu mewujudkan campuran penduduk yang berkebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Keadaan di Sarawak jauh berbeza kerana negeri ini masih mempunyai sebilangan besar penduduk yang mempunyai penguasaan baik dalam bahasa Inggeris kerana pertukaran bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia hanya dilakukan pada akhir tahun 80-an.

Masalah ini mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang mengaku bahawa kebolehan bertutur dan memberi penjelasan dalam bahasa Inggeris adalah amat berguna bagi beliau terutama semasa menemui para pemimpin dunia dan semasa menghadiri forum-forum dunia.

Ketika menekankan tentang pentingnya penguasaan bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh pergi ke negara lain dan bertutur dalam bahasa kita kerana tiada siapa akan mempelajari bahasa kita untuk faham bahasa pertuturan kita."

-- BERNAMA

JS RYN FAZ